

Analisis Kritis Pendekatan Hermeneutik Muhammad Said Al-Ashmawi Dalam Pentafsiran Isu Arak dan Riba

[Critical Analysis of Muhammad Said Al-Ashmawi's Hermeneutic Approach in Interpreting the Issues of Alcohol and Usury]

Muhamad Najuddin Razak¹, Rahim Kamarul Zaman² & Mujahid Mohammad Fadzil³

- ¹ (Corresponding Author) Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: najuddinrazak@gmail.com
- ² Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com
- ³ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: ibnuirfadzil@gmail.com

ABSTRACT

The study of the confusion of thought in hermeneutic interpretation is an important discourse among contemporary scholars. Muhammad Said al-Ashmawi is one of the supporters of hermeneutic interpretation in relation to the verses of the Quran, which has caused polemics among Muslims. Therefore, this study aims to analyse Muhammad Said al-Ashmawi's hermeneutic approach to interpreting the Quranic verses concerning alcohol and usury. This qualitative study uses thematic content analysis methods on Quranic verses related to alcohol and gambling, especially Surah al-Baqarah: 219 and 173, al-Nisa': 43, and al-Ma'idah: 90. Data were obtained from al-Ashmawi's original works as well as classical and contemporary interpretation references for the purpose of comparison and critical evaluation. The findings of the study show that al-Ashmawi uses a contextual hermeneutic approach by interpreting the prohibition of alcohol as limited to intoxication, while consumption in small quantities is considered permissible. In addition, he also distinguishes between usury, which is prohibited in the Quran, and the benefits of modern banking institutions, which he believes are not exploitative. Therefore, the study finds that his hermeneutic interpretation clearly carries a liberalist ideology that contradicts the true methodology of Quranic interpretation in Islam. In conclusion, Muhammad Said al-Ashmawi's hermeneutic approach highlights the dangers of hermeneutic interpretation that seeks to liberalise the Quranic text through current developments. Therefore, understanding the methodology of

interpretation that is muktabar and being alert to the dangers of hermeneutic interpretation is very important in ensuring that the purity and authenticity of the teachings of the Quran are always preserved.

Keywords: *Hermeneutics; Al-Ashmawi; Liberalism; Alcohol; Usury*

ABSTRAK

Kajian terhadap kekeliruan pemikiran dalam tafsiran hermeneutik merupakan wacana penting dalam kalangan sarjana kontemporari. Muhammad Said al-Ashmawi merupakan antara pendokong tafsiran hermeneutik berkaitan ayat-ayat hukum sehingga menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan hermeneutik Muhammad Said al-Ashmawi dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan arak dan riba. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik terhadap ayat-ayat al-Quran berkaitan arak dan riba, terutamanya Surah al-Baqarah: 219 dan 173, al-Nisa': 43, serta al-Ma'idah: 90. Data diperoleh daripada karya-karya asli al-Ashmawi serta rujukan tafsir klasik dan kontemporari untuk tujuan perbandingan dan penilaian kritikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Ashmawi menggunakan pendekatan hermeneutik yang bersifat kontekstual dengan menafsirkan pengharaman arak hanya terbatas kepada keadaan mabuk, manakala pengambilan dalam kuantiti yang sedikit dianggap sebagai harus. Selain itu, beliau turut membezakan antara riba yang diharamkan dalam al-Quran dengan faedah institusi perbankan moden yang menurutnya tidak bersifat eksploitasi. Oleh demikian, kajian mendapati bahawa tafsiran hermeneutik beliau jelas membawa fahaman liberalisme yang bercanggah dengan metodologi tafsiran al-Quran yang sebenar dalam Islam. Kesimpulannya, pendekatan hermeneutik Muhammad Said al-Ashmawi memperlihatkan bahaya tafsiran hermeneutik yang cuba meliberalisasikan nas al-Quran dengan perkembangan semasa. Oleh itu, kefahaman terhadap metodologi tafsir yang muktabar dan kewaspadaan terhadap bahaya tafsiran hermeneutik amat penting untuk memastikan kesucian dan keaslian ajaran al-Quran sentiasa terpelihara.

Kata kunci: Hermeneutik; Al-Ashmawi; Liberalisme; Arak; Riba

How to Cite:

Received: 03-06-2026

Accepted: 25-06-2026

Published: 29-06-2026

Razak, M. N., Kamarul Zaman, R., & Mohammad Fadzil, M. (2026). Analisis kritis pendekatan hermeneutik Muhammad Said Al-Ashmawi dalam pentafsiran isu arak dan riba. *FURQANICA: Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JUQS)*, 2(1), 20–40.

1. Pendahuluan

Dalam dekad kebelakangan ini, kajian tafsir al-Quran telah mengalami perkembangan yang pesat, terutamanya selepas kemunculan pendekatan hermeneutik. Hermeneutik pada asalnya merupakan kaedah penafsiran teks dalam tradisi Barat seperti Bible. Kemudiannya, beberapa sarjana Islam telah mengaplikasikannya untuk memahami al-Quran dalam konteks masyarakat moden (Islam et al., 2025; Karimah et al., 2022; Riyani, 2017). Susulan itu, ramai sarjana telah meneroka bagaimana hermeneutik dapat diterapkan untuk memahami al-Quran dalam konteks moden sehingga kurang kewaspadaan terhadap bahaya metodologi tersebut. Pendekatan ini digunakan untuk menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan mengambil kira perubahan sosiobudaya, sejarah, dan perkembangan semasa (Fadzil et al., 2026; Zaman et al., 2024; Karimah et al., 2022).

Antara tokoh kontemporari yang menonjol dalam tafsiran hermeneutik ini ialah Muhammad Said al-Ashmawi, seorang pemikir kontroversial yang berusaha menafsirkan al-Quran melalui perspektif humanistik dan sosiologikal (Shamir, 2021). Walaupun begitu, pendekatan hermeneutik ini telah mencetuskan kontroversi kerana sering bertentangan dengan metodologi tafsir tradisional yang lebih tekstual dan literal (Tomkins & Eatough, 2018).

Walaupun banyak kajian telah dibuat tentang pendekatan hermeneutik dalam tafsir al-Quran, kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada tokoh-tokoh seperti Nasr Hamid Abu Zayd, Hassan Hanafi, Amina Wadud dan Zaitunah Subhan berbanding tafsiran hermeneutik dalam karya-karya Muhammad Said al-Ashmawi (Fath, 2022; Karimah et al., 2022; Riyani, 2017). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang dalam penyelidikan dengan memberi tumpuan khusus kepada analisis metodologi dan pemikiran liberal al-Ashmawi. Analisis ini akan membantu mengenal pasti kesan pendekatan tersebut terhadap pemahaman dan penghayatan al-Quran dalam kalangan umat Islam.

Selain itu, Nasr Hamid Abu Zayd merupakan tokoh yang juga berpengaruh dalam pendekatan hermeneutik terhadap al-Quran. Dalam kajiannya, Abu Zayd memfokuskan kepada kontekstualisasi al-Quran dalam era moden dengan menggunakan pendekatan sosiolinguistik dan semiotik untuk menafsirkan teks (Mujahidin, 2023). Abu Zayd berpendapat bahawa memahami teks al-Quran tidak boleh terpisah daripada konteks sejarah dan budaya di mana ia diturunkan, dengan tujuan agar al-Quran dapat memenuhi keperluan zaman kini. Seperti al-Ashmawi, Abu Zayd menekankan peranan penafsiran kontekstual dalam menjadikan al-Quran sebagai panduan yang relevan bagi masyarakat moden. Namun, pendekatan ini juga dikritik kerana cenderung membuka ruang kepada tafsiran yang subjektif.

Sementara itu, Hassan Hanafi pula dianggap sebagai pelopor dalam penggunaan pendekatan realis dan hermeneutik untuk mentafsirkan al-Qur'an. Hanafi memperkenalkan metodologi tafsir yang bersifat eksperimen dan transformatif untuk mewujudkan "Islam kiri" atau Islam yang berorientasikan pembaharuan sosial, dengan menganggap bahawa al-Quran harus ditafsirkan berdasarkan realiti sosioekonomi dan keperluan masyarakat (Fatih, 2023; Fath, 2022). Pendekatan Hanafi menunjukkan satu lagi bentuk liberalisme dalam tafsir yang menekankan ideologi dan perjuangan untuk mewujudkan keadilan sosial. Kajian terhadap Hanafi menunjukkan kesamaan dengan metodologi al-Ashmawi yang juga cuba mentafsirkan al-Quran secara humanistik dan kontemporari, walaupun Hanafi lebih memfokuskan pada konteks sosial.

Sehubungan itu, metodologi tafsiran hermeneutik telah digunakan oleh Amina Wadud dan Zaitunah Subhan dalam isu wanita, yang keduanya menggunakan pendekatan hermeneutik untuk menentang tafsiran klasik yang dilihat sebagai membatasi hak-hak wanita. Melalui pendekatan ini, mereka menonjolkan konsep kesaksamaan gender dan hak asasi manusia, yang mencerminkan kecenderungan pemikiran liberal dalam tafsiran al-Quran (Karimah et al., 2022; Riyani, 2017).

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan hermeneutik membawa perspektif baharu dalam penafsiran al-Quran yang cuba menyatukan ajaran wahyu dengan realiti liberalisasi masyarakat moden (Islam et al., 2025). Namun, kelemahan utama pendekatan ini ialah kecenderungan untuk memberikan tafsiran subjektif yang boleh menyimpang dari makna literal dan autoritatif teks al-Quran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bahaya pemikiran liberal Muhammad Said al-Ashmawi dalam tafsiran hermeneutiknya sehingga menejejaskan pemahaman umat Islam mengenai ajaran al-Quran yang asli.

1.1 Muhammad Said al-Ashmawi: Sorotan kehidupan dan pemikiran

Beliau dilahirkan di kota Kaherah pada 1932. Dia mendapat gelaran sarjana hukum dari Universiti Kaherah pada 1954 dan Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Beliau memulakan kerjanya sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Alexandria sehingga 1960 an. Pada 1961 dia dilantik sebagai hakim dan pada 1971 menjawat jawatan sebagai Penuntut Umum. Pada 1981 pula dilantik sebagai Ketua Pengadilan Tinggi Jenayah , Ketua Pengadilan Tinggi Mahkamah Rayuan Kaherah (*High Court of Appeals*) dan Ketua Pengadilan Tinggi Keamanan Negara di Mesir (*High Court of State Security*) (Shamir, 2021).

Idea pembaharuan al-Asmawi yang kontroversial mengundang reaksi keras daripada beberapa golongan. Tidak hairan jikalau dalam hal keamanan,

pengawasan al-Ashmawi sangat ketat sekali kerana beliau menyedari bahawa idea yang tertuang dalam pelbagai karyanya adalah sangat kontroversial, terutama bagi kalangan umat Islam yang menolak untuk tinggal atau berkerja di luar negeri. Dia memilih untuk tinggal di Mesir sekalipun mendapat ancaman dari kaum ekstremis Islam. Beliau tinggal di Kaherah dengan kawalan yang ketat selama 24 jam (Triyani et al., 2025; Puji & Ibrahim, 2013; al-Ashmawi 2002).

Muhammad Said al-Ashmawi yang pernah menjadi perunding di Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Mahkamah Jenayah, mengatakan bahawa Konsep Syariah yang diperjuangkan oleh kaum Islamis adalah racun dan berbeza dengan pengertian yang diberikan oleh al-Quran itu sendiri. Ini kerana, pada realitinya terlalu banyak makna syariah dalam literatur Islam. Di samping itu, al-Ashmawi merupakan seorang tokoh pemikir yang berani mengemukakan idea-idea kontroversi yang mengundang reaksi keras daripada pelbagai golongan, terutamanya dalam kalangan Islamiyyin. Beliau menyedari bahawa pemikiran yang tertuang dalam pelbagai karyanya sangat sensitif, terutama mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan syariah. Oleh itu, tidak menghairankan jika beliau memerlukan pengawasan ketat terhadap keselamatannya, terutama ketika tinggal di Kaherah, Mesir, di mana beliau menghadapi ancaman daripada golongan ekstremis Islam (Shamir, 2021).

Al-Ashmawi berusaha untuk menggugatkan perjuang golongan Islamis dalam mendaulatkan hukum Islam. Beliau mengatakan bahawa Syariah Islam sebenarnya tidak bermaksud undang-undang syariah hanyalah jalan ketuhanan yang tidak berkaitan langsung dengan pemikiran manusia. kekeliruan Ashmawi menyerlah apabila beliau mengatakan bahawa Syariah itu suci sedangkan penafsiran para ulama' bersifat subjektif dan tidak suci. Al-Ashmawi juga mengatakan bahawa segala produk pemikiran keagamaan perlu diasingkan daripada Islam itu sendiri (Muammar, 2009).

Antara karya Al-Ashmawi dalam bahasa Arab (Shamir, 2021).

1. Risalah Wujud
2. Usul Syariah
3. Jauhar Islam
4. Al-Riba wal Faedah Fil Islam
5. Al-khalifah Al-Islam
6. Al-Syariah Al-Islam wal Qanun fil Misr
7. Mu'alim Al-Islam

Karya berbahasa Inggeris (Shamir, 2021)

1. Development of Religion
2. Roots of Islamic Law
3. Islam and Religion

4. Militant Doctrine In Islam
5. Religion For The Future

Secara umumnya, pendekatan hermeneutik al-Ashmawi cenderung mengandungi unsur kebebasan berfikir, kesaksamaan, dan interpretasi yang fleksibel terhadap teks suci. Pandangan ini membolehkan al-Quran dilihat lebih “relevan” dengan zaman moden, terutamanya dalam isu-isu kontemporari seperti hak asasi manusia dan peranan wanita dalam masyarakat. Namun, pendekatan beliau telah dikritik kerana berpotensi mengabaikan makna asal teks dan dengan itu merisikokan kefahaman umat Islam terhadap ajaran sebenar al-Quran (Mujahidin, 2023; Shamir, 2021). Implikasi pemikiran liberal ini menyebabkan pendekatan tafsir al-Ashmawi sering dianggap menyimpang daripada tradisi, kerana ia menekankan kebebasan individu dan penafsiran subjektif, yang bertentangan dengan pandangan ulama klasik (Triyani et al., 2025). Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis secara kritikal pemikiran liberal al-Ashmawi dalam tafsiran hermeneutiknya yang membahayakan kefahaman umat Islam, khususnya dalam isu arak dan riba.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan secara tematik tertumpu kepada ayat al-Quran berkaitan arak dan riba. Pendekatan kualitatif dipilih kerana sesuai untuk mengkaji secara mendalam pemikiran liberal Muhammad Said al-Ashmawi yang mengandungi banyak teori dan konsep yang bersifat abstrak. Metode analisis kandungan secara tematik membolehkan kajian ini mengupas kandungan, bahasa, dan maksud tersirat yang terdapat dalam tulisan al-Ashmawi secara berfokus, serta memahami konteks tafsirannya yang mendokong liberalisme. Melalui analisis ini, kajian dapat menilai sama ada elemen-elemen liberal terdapat dalam tafsiran hermeneutik al-Ashmawi. Sumber data utama bagi kajian ini ialah karya-karya asli al-Ashmawi, termasuk buku dan artikel yang diterbitkannya, yang mengupas metodologi hermeneutik serta pandangannya terhadap tafsir al-Quran. Selain itu, kajian ini juga menggunakan artikel jurnal, buku-buku akademik, serta kajian lepas yang menganalisis pemikiran dan metodologi al-Ashmawi. Antara karya al-Ashmawi yang menjadi sumber utama ialah bukunya yang membincangkan prinsip-prinsip kebebasan tafsir, hak asasi manusia, dan kesaksamaan dalam Islam.

Proses pengumpulan data bermula dengan pengenaltastian karya-karya utama al-Ashmawi yang berkaitan dengan hermeneutik dan tafsir liberal. Data ini diperoleh melalui repositori akademik, perpustakaan, dan pangkalan data artikel jurnal yang menyediakan akses terhadap karya-karya

asli al-Ashmawi. Setelah itu, kajian ini menyusun dan meneliti data berdasarkan tema-tema utama kajian yang tertumpu pada tafsiran arak dan riba. Data juga dikategorikan berdasarkan relevansinya terhadap objektif kajian untuk memudahkan analisis yang menyeluruh dan terarah. Kajian ini turut mengumpulkan rujukan daripada ulama klasik dan kontemporari sebagai data perbandingan untuk menilai perbezaan pendekatan al-Ashmawi dengan pendekatan tafsir tradisional yang menepati syariat Islam.

3. Dapatan Kajian

3.1 Pemikiran Liberal dan Tafsiran Hermeneutik Muhammad Said al-Ashmawi.

3.1.1 Pendekatan Kontekstual dan Hermeneutik dalam Tafsir Al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Ashmawi menggunakan pendekatan hermeneutik untuk menafsirkan al-Quran dengan lebih fleksibel dan kontekstual, berbeza daripada tafsir literal. Beliau percaya bahawa tafsir al-Quran perlu disesuaikan dengan realiti semasa dan perkembangan sosial, dan ini diterapkan dalam tafsirnya terhadap isu-isu seperti arak, riba, dan hak-hak wanita. Pendekatan ini membawa kepada tafsiran yang lebih dinamik, namun menimbulkan kontroversi kerana dianggap mengubah prinsip-prinsip yang dianggap tetap dalam syariat Islam.

3.1.2 Penilaian terhadap Hukum Pengharaman Arak dan Riba

Dalam tafsirnya, al-Ashmawi berhujah bahawa pengharaman arak tidak mutlak dan hanya merujuk kepada keadaan mabuk. Oleh itu, menurutnya, pengambilan arak dalam kuantiti yang sedikit dan tidak memabukkan tidak termasuk dalam kategori haram. Beliau juga berhujah bahawa faedah bank moden tidak termasuk dalam kategori riba yang dilarang dalam al-Quran, dengan alasan bahawa riba dalam al-Quran hanya merujuk kepada riba yang bersifat eksploitasi. Dapatan ini memperlihatkan bagaimana al-Ashmawi cuba menyesuaikan hukum al-Quran dengan perubahan ekonomi dan sosial moden, tetapi bertentangan dengan pandangan majoriti ulama yang menganggap pengharaman arak dan riba bersifat mutlak.

3.1.3 Pengaruh Liberalisme dalam Tafsiran Hak dan Kebebasan Individu

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa al-Ashmawi mengemukakan pendekatan yang memperjuangkan kebebasan individu, hak asasi manusia, dan kesaksamaan gender. Beliau melihat al-Quran sebagai kitab yang menyokong prinsip-prinsip ini, tetapi menyalahkan tafsiran tradisional yang, menurutnya, telah menindas hak wanita dan mengabaikan prinsip kesaksamaan. Ini memperlihatkan pengaruh liberalisme dalam pemikirannya, di mana hak-hak individu dianggap sebagai nilai utama dalam memahami al-Quran.

3.1.4 Kontroversi dan Penolakan oleh Ulama Tradisional

Pendekatan hermeneutik dan liberal yang dibawa oleh al-Ashmawi menimbulkan reaksi yang bercampur-baur. Sebahagian besar ulama tradisional menganggap pendekatan ini berbahaya kerana berpotensi membuka ruang kepada tafsiran yang subjektif dan bertentangan dengan syariat. Dapatan kajian mendapati bahawa pemikiran al-Ashmawi sering dikritik kerana meletakkan tafsiran kontekstual di atas prinsip yang telah disepakati oleh ulama terdahulu, sehingga dikhuatiri boleh menjejaskan integriti tafsir tradisional.

3.1.5 Cabaran dalam Menggabungkan Pendekatan Liberal dan Tafsir Tradisional

Al-Ashmawi menggabungkan pendekatan hermeneutik dengan pemikiran liberal, tetapi ini menghadirkan cabaran besar dalam mencapai keseimbangan antara inovasi tafsir dan memelihara keaslian ajaran al-Quran. Pendekatan ini menunjukkan bahawa tafsir al-Quran boleh disesuaikan dengan perubahan zaman, namun kajian ini juga mendapati bahawa ia perlu dilakukan secara berhati-hati agar tidak menjejaskan prinsip-prinsip syariat.

3.1.6 Kepentingan untuk Menghadirkan Perbincangan Baharu dalam Tafsir Islam Kontemporari

Walaupun pendekatan al-Ashmawi dianggap kontroversial, dapatan kajian menunjukkan bahawa tafsiran beliau membawa kepada perbincangan baru dalam tafsir Islam kontemporari. Pandangannya menggalakkan ulama untuk meneroka kaedah yang lebih fleksibel dalam menafsirkan al-Quran, terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan perubahan sosial dan perkembangan sains moden.

4. Perbincangan

4.1 *Pandangan Ashmawi Mengharuskan Pengambilan Arak dalam Jumlah yang Sedikit (Tidak Memabukkan)*

Bertitik tolak daripada ideologi yang dibawa oleh tokoh sebelumnya seperti 'Ali Abd al-Rāziq, Wahid Rafa'at dan Faraj Fawdah menentang konsep kesempurnaan ajaran Islam dan memisahkan politik daripada agama sebagaimana fahaman sekular. Dengan kepakaran al-Ashmawi dalam bidang undang-undang Mesir yang diambil daripada perlembagaan Barat, beliau berpendapat bahawa undang-undang sekular yang dilaksanakan di Mesir tidak bertentangan dengan syariah.

Antaranya, (Ashmawi usul syariah 1983) pentafsiran hermeneutik yang dikemukakan oleh Muhammad Said Ashmawi dalam hujah berdasarkan ayat quran karim dalam surah al-Baqarah ayat 219, surah an-Nisa' ayat 43 dan surah al-Maidah.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ
مِنْ نَّفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ
لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya". Dan mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: "Yang lebih dari keperluan." Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu agar kamu berfikir. (al-Baqarah, 2: 219).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا
جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا ﴿٤٣﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub (berhadas besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci (al-Nisa', 4: 43).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya (al-Maidah, 5: 90).

Seterusnya, kesimpulan daripada ayat-ayat diatas al-Ashmawī mengatakan bahawa pengharaman arak kepada peminum arak yang mukallaf, baligh, dan berakal bertujuan untuk memabukkan dan merosakkan akal dengan sengaja. Adapun selain daripada itu dibenarkan berdasarkan hukum secara umum yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 173:

فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Terjemahan: Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang (al-Baqarah, 2: 173).

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadith berkenaan al-Ashmawī mengatakan setiap yang memabuk(al-Nisa', 4: 43).kan adalah haram bermaksud setiap yang boleh merosakkan akal adalah haram. Sehubungan itu, al-Ashmawī mengatakan bahawa perbuatan meminum arak dalam kuantiti yang tidak memabukkan atau tidak merosakkan akal adalah diharuskan (al-Ashmawī, 1983).

Tambahan pula, al-Ashmawī (1996) mengatakan bahawa hukum terhadap peminum arak adalah hukum ta'zir, bukan termasuk dalam hukum hudud, kerana tidak ada sumber daripada al-Quran dan Hadis. Menurutny, hukum ta'zir ini adalah qiyas yang dilakukan oleh Saidina Ali dari hukum Qazaf. Sebagaimana al-Ashmawī mengatakan dalam kitab *al-Islam al-Siyasi*:

وعقوبة شرب الخمر هي عقوبة تعزيرية لأنها لم ترد في القراءن و السنة النبوية وإنما استخرجها
على بن أبي طالب قياسا حد القذف.

Terjemahan: “Dan hukuman bagi peminum arak ialah hukuman ta'zir kerana hukuman tersebut tidak disebut secara jelas dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Sebaliknya, hukuman itu dikeluarkan oleh Saidina Ali melalui qiyas terhadap hukuman qazaf.” (al-Ashmawī, 1996).

4.1.1 Kritikan dan Penolakan Terhadap Pemikiran al-Ashmawi Berkaitan Hukum Pengambilan Arak Berdasarkan Kuantiti

Dalam hal tersebut, metode hermeneutik yang digunakan oleh al-Ashmawi dalam mentafsirkan isu pengambilan arak sehingga tidak memabukkan boleh dikategorikan sebagai metode literal. Metode literal ialah memahami ayat berdasarkan zahir nas serta mentafsirkan sesuatu ayat dengan ayat yang lain melalui pendekatan logik akal tanpa meraikan sepenuhnya kaedah-kaedah tafsir yang telah ditetapkan oleh para ulama muktabar dalam mentafsirkan al-Quran. Walau bagaimanapun, metode mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran sebenarnya merupakan pendekatan yang digunakan oleh para *mufasssin* melalui metode *tafsir bi al-Ma'thur*, namun ia dilaksanakan dengan mematuhi disiplin tafsir serta mengambil kira ijma' ulama.

Oleh itu, al-Ashmawi memahami bahawa pengharaman arak adalah kerana sifatnya yang memabukkan dan merosakkan akal. Justeru, menurut beliau, sekiranya pengambilan arak tidak sampai tahap memabukkan, maka ia tidak dianggap haram. Beliau turut mengemukakan ayat-ayat lain bagi menyokong pandangannya bahawa pengambilan arak dalam kuantiti sedikit dan tidak melampau tidak termasuk dalam kategori yang diharamkan. Selain itu, al-Ashmawi juga berpendapat bahawa kesalahan meminum arak tidak termasuk dalam hukuman hudud; sebaliknya, ia hanya tergolong dalam hukuman *ta'zir* kerana hukuman tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan hadis, bahkan ia merupakan qiyas yang dilakukan oleh Saidina Ali RA (Triyani et al., 2025).

Sebagaimana yang diketahui, pentafsiran ayat-ayat al-Quran mestilah berlandaskan manhaj para ulama yang selari dengan syariat Islam. Para ulama telah membahagikan metodologi tafsir kepada dua bentuk utama iaitu *tafsir bi al-Ma'thur* dan *tafsir bi al-Ra'yi*. Berdasarkan metode yang digunakan oleh al-Ashmawi, pentafsirannya dilihat bercanggah dengan prinsip syarak kerana beliau menganggap pengambilan arak dalam kuantiti sedikit tidak menjadi kesalahan serta memandang hukuman terhadap peminum arak bukan termasuk dalam kategori hudud.

Untuk menjawab kesalahan metode yang digunakan oleh al-Ashmawi, memadai menggunakan metode tafsir bil-Ma'thur yang mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, hadis, kalam sahabat, dan kalam para tabi'in. Dalam masalah pengharaman meminum arak sama ada dengan kuantiti banyak atau sedikit, ulama' membuat kesimpulan bahawa ia haram walaupun pemahaman tentang arak turun tiga peringkat. Jumhur ulama mengatakan bahawa ayat al-Baqarah: 21 mencela peminum arak, tidak mengharamkan, dengan dalil bahawa sebahagian daripada sahabat mereka masih lagi minum arak selepas turun ayat tersebut, sebagaimana dalam asbab nuzul, jika mereka memahami bahawa diharamkan, maka tiada seorang pun

yang akan minum, dan ayat ini dimasukkan oleh ayat Surah Maidah: 90 (al-Sabuni, t.th).

Menerusi perkara tersebut, manhaj ulama mentafsirkan ayat dengan hadis sebagai dalil pengharaman meminum arak sama ada sedikit atau banyak:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan Syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya (al-Maidah, 5: 90).

Ibn Umar RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كل مسكر خمر وكل خمر حرام

Terjemahan: Tiap-tiap yang memabukkan adalah haram dan tiap-tiap khamar adalah haram (HR Muslim, No. Hadis: 200)

Daripada Aishah RA, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Terjemahan: “Semua yang memabukkan adalah haram.” (HR al-Bukhari, No. Hadis: 242 dan Muslim, No. Hadis: 2001)

Ibn Umar RA turut meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

Terjemahan: “Apabila sesuatu yang banyak memabukkan, maka yang sedikit pun juga haram.” (HR Abu Dawud, No. Hadis: 368, al-Tirmizi, No. Hadis: 1866 dan Ibn Majah, No. Hadis: 3393)

Sehubungan itu, Sa’ad bin Abi Waqqas RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

أَحْكَمُ عَنْ قَلِيلَةٍ مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ

Terjemahan: Aku melarang kamu dari yang sedikit yang banyaknya membukukan. (Hadis *Hassan* riwayat al-Darimi.)

Berdasarkan beberapa nas yang disenaraikan, telah terbukti secara teori dalam ilmu Islam bahawa arak merupakan salah satu punca utama jenayah. Selagi ruang dan peluang dibuka seluas-leluasnya, itulah manusia akan melakukan kesalahan mabuk.

Kerana itu nabi menyebut :-

الخمر أم الخبائث

Terjemahan: Arak itu adalah ibu kepada kejahatan (Hadis *Hassan*, *Silsilah Ahadith al-Sahihah*, No. Hadis: 1854)

Berdasarkan kefahaman yang murni tentang nas-nas al-Quran dan Hadith tersebut, dapat disimpulkan bahawa hukum pengambilan arak adalah haram sama ada pengambilannya dalam kuantiti yang banyak atau sedikit, sama ada memabukkan atau tidak memabukkan.

Bagi menyangah pendapat al-Ashmawi yang mekemukakan hujah daripada ayat 173 surah al-Baqarah yang membolehkan mengambil arak dalam kuantiti yang sedikit. Ini bertentangan dengan ulama mufasirin (al-Tabari, 2007) yang menyatakan bahawa seseorang dibenarkan memakan mayat, bangkai, dan babi dalam keadaan darurat, iaitu keadaan terpaksa ini kerana Allah SWT melarang seseorang membunuh dirinya kerana kelaparan, namun tidak boleh berlebihan dalam memakannya, tidak mengikut hawa nafsu, dan tidak memakannya sampai kekenyangan, sekadar cukup untuk bertahan hidup (al-Tabari, 2007). Al-Sya'rawi (t.th) menyatakan tidak boleh seseorang itu menyangka sesuatu perkara itu halal ketika sesuatu perbuatan yang haram dibolehkan kerana keadaan terpaksa. Berdasarkan tafsiran para ulama', yang dibolehkan adalah keadaan terpaksa yang mengakibatkan kematian. Adapun arak dihukum haram secara qat'i, walaupun diminum sedikit dalam kadar yang tidak memabukkan. Lebih-lebih lagi, mengambil arak secara sukarela ini bertentangan dengan syarak.

4.1.2 Kedudukan Hukuman Pengambilan Arak dalam Islam

Manakala hujah bagi menolak pendapat al-Ashmawi yang mengatakan bahawa hukum ke atas peminum arak tiada dalam sumber utama syariat Islam iaitu al-Quran dan Hadis dapat dipaparkan melalui gabungan tafsiran nas al-Quran dan Hadis. Oleh itu, secara tepat bilangan had ke atas peminum arak tidak terdapat dalam al-Quran, tetapi terdapat banyak hadis yang menjelaskan hukuman terhadap pesalah. Ini menunjukkan ulama

menggunakan manhaj *Tafsir bi al-Ma'thūr*, yang menjelaskan ayat al-Quran melalui hadis. Antara hadis yang menerangkan bilangan had ke atas pesalah minum arak adalah seperti berikut;

Daripada Mu'awiyah bin Abi Sufyan RA, Nabi SAW bersabda:

إِذَا شَرَبُوا الْخَمْرَ فَاجْلِدُوهُمْ , ثُمَّ إِنْ شَرَبُوا فَاجْلِدُوهُمْ

Terjemahan: Apabila mereka minum arak, sebatlah mereka, dan kemudian jika mereka minum lagi, sebatlah mereka dan kemudian jika mereka minum lagi, sebatlah mereka (HR Abu Dawud, No. Hadis: 4482)

Daripada Anas bin Malik RA, Nabi SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ أَتَى بِرَجُلٍ قَدْ شَرِبَ الْخَمْرَ , فَجَلَدَهُ بِجَرِيدَتَيْنِ نَحْوَ أَرْبَعِينَ

Terjemahan: Nabi telah didatangi oleh seorang lelaki yang telah meminum arak, lalu telah disebatnya dengan dua pelepah tamar sebanyak 40 kali (HR Muslim, No. Hadis: 1706)

Daripada Anas bin Malik RA, Nabi SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : جَلَدَ فِي الْخَمْرِ بِالْجَرِيدِ وَالنَّعَالِ , ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ فَلَمَّا كَانَ عَمْرٌ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرِّيفِ وَالْقَرْيِ , قَالَ : مَا تَرَوْنَ فِي جَلَدِ الْخَمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ : أَرَى أَنْ نَجْعَلَهَا كَأَخْفِ الْحُدُودِ , فَجَلَدَ عَمْرٌ ثَمَانِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi s.a.w merotan (sebat) dalam kes arak dengan pelepah tamar dan sepatu, kemudian Abu Bakar (di zaman pemerintahannya) juga menyebat dengan 40 kali sebatan, di ketika pemerintahan Umar, beliau meminta pandangan orang ramai dari kampong dan desa lalu berkata : Apa pandangan kamu berkenaan sebatan bagi peminum arak?, lalu Abd Rahman Auf berkata : Aku berpandangan kita menjadikannya hudud yang paling ringan (merujuk kepada sebatan qazf) , maka Umar membuat keputusan untuk menyebat dengan 80 kali sebatan (HR Muslim, No. Hadis: 1706).

Keterangan hadis-hadis di atas bertepatan dengan mafhum dalil al-Quran:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

Terjemahan: Kami turunkan kepadamu al-Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan (An-Nahl, 16: 44)

Oleh demikian, dakwaan al-Ashmawi bahawa tidak terdapat dalil yang jelas berkaitan had hukuman ke atas pesalah minum arak adalah tertolak. Ketetapan kadar hukuman berkenaan bersifat *qat'ī* serta tidak dapat dinafikan. Sehubungan itu, syariat Islam juga jelas mengharamkan dan melarang pengambilan sebarang perkara yang boleh memabukkan, menyebabkan ketagihan sehingga memudaratkan akal fikiran (Zaman et al., 2024).

4.2 *Pandangan Ashmawi Mengharuskan Riba (Interest) dalam institusi Perbankan*

Antara kritikan lain al-Ashmawī terhadap syariat Islam ialah berkaitan persoalan riba. Beliau mengatakan bahawa bunga atau faedah bank (*interest*) tidak sama dengan riba yang diharamkan dalam al-Quran kerana riba dalam al-Quran mengandungi elemen eksploitasi terhadap orang-orang yang memerlukan dan kerana itu dinamakan *Mudā'afah* (berganda). Alasannya, faedah (*interest*) dalam sistem ekonomi moden tidak bersifat eksploitatif (Shamir, 2021; Muammar, 2009).

Al-Ashmawi berhujah berdasarkan quran surah al-Baqarah ayat 275-279 :

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٩﴾

Terjemahan: Orang-orang Yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang Yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa Sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba (al-Baqarah, 2: 275).

Menurut al-Ashmawi, sebab penurunan ayat tersebut berkaitan dengan amalan masyarakat Arab pada zaman Jahiliah yang mengembangkan harta mereka melalui sistem riba serta berlebih-lebihan dalam urusan hutang dan akad. Apabila tiba tempoh pembayaran hutang, pemberi hutang akan berkata kepada penghutang: “Adakah kamu mahu melunaskan hutang tersebut atau menambah jumlahnya?” Maksudnya, penghutang diberi pilihan sama ada membayar hutang pada waktu yang ditetapkan atau menangguhkan pembayaran dengan tambahan tertentu ke atas jumlah hutang.

Lazimnya, penghutang memilih menangguhkan pembayaran, lalu jumlah utang terus bertambah. Dalam keadaan tersebut, pemberi hutang akan

menunggu sambil menerima tambahan harta atau faedah daripada hutang itu. Keadaan ini berterusan sehingga penghutang menanggung beban hutang yang semakin besar, sedangkan jumlah tambahan yang dibayar jauh melebihi jumlah hutang asal. Pada hakikatnya, penghutang mampu melangsaikan hutangnya dengan mudah sekiranya tidak dikenakan penangguhan serta tambahan bayaran tersebut (al-Ashmawi, 2004).

Al-Ashmawi mengatakan bahawa faedah (riba) di bank tidak bercanggah dengan syariat Islam kerana persetujuan di antara dua belah pihak, tambahan pula hutang bertempoh dan tidak melebihi peratus yang ditetapkan, berbeza dengan apa yang diharamkan oleh syarak kerana menindas peminjam dan tidak ada peratus yang tetap dikenakan.

4.2.1 Kritikan dan Penolakan Terhadap Pemikiran al-Asmawi Berkaitan Keharusan Riba (*Interest*) dalam institusi Perbankan

Berdasarkan hujah yang dikemukakan oleh al-Ashmawi yang mengatakan bahawa faedah (*interest*) yang terdapat di Mesir tidak bercanggah dengan syarak, kajian ini mendapati terdapat beberapa kekeliruan yang telah dikemukakan beliau.

Pada asasnya, metode hermeneutik yang digunakan oleh al-Ashmawi adalah berpandukan konteks ayat dan sejarah, iaitu ayat ini sesuai di zaman awal Islam dan budaya ketika itu. Maka dari pemerhatian, al-Ashmawī menggunakan kaedah “*al-‘ibrah bi khuṣūs al-sabab wa lā bi ‘umum al-lafẓ*” (al-Ashmawī, 2004). Menurut al-Ashmawi, hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran diturunkan berdasarkan sebab-sebab tertentu. Jika sebab-sebab itu terhenti pada konteks tertentu atau berlaku secara terbatas, maka hukum-hukum tersebut harus berurutan sesuai dengan urutan sebab-sebabnya, iaitu mengalami pembaharuan (hukum-hukum) sesuai dengan munculnya realiti-realiti baharu dan berubah sepanjang perkembangan sosial serta suasana.

Oleh demikian, bagi menyangkal hujah al-Ashmawi, pemahaman sebenar perlu mengikut metode yang disusun oleh para ulama’ tafsir dalam menguraikan ayat-ayat al-Quran. Maka ulama menggunakan metode tafsir *bi al-Ma’thūr* dan manhaj *mufasssirīn*. Sebelum mengemukakan hujah yang lebih mendalam, mestilah mengetahui jenis-jenis riba. Riba yang berlaku dalam perbankan ialah riba nasi’ah yang terkenal di zaman jahiliah, iaitu meminjamkan sejumlah wang kepada peminjam dengan tempoh yang ditangguhkan, umpamanya sebulan atau setahun, dengan disyaratkan pembayaran lebih sebagai imbuhan atas kelonggaran tempoh untuk membayar kembali pinjaman itu (al-Sobuni 1995). Sistem riba seperti tersebut di atas itulah yang berlaku sekarang di bank-bank dan yang

mengambil peratusan tertentu sebagai bunga ,umpanya lima atau sepuluh peratus daripada wang pinjaman yang diberikan kepada syarikat atau perseorangan .

Berhubung dakwaan al-Ashmawi yang mengatakan riba tidak bersifat eksploitatif iaitu tidak ada penindasan, kerana pengambilan faedah (riba) mengikut persetujuan dan sedikit peratus yang dikenakan. Beliau telah memanipulasi mafhum ayat al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

Terjemahan: (... janganlah kamu makan dan mengambil riba dengan berlibat kali ganda) (Ali-Imran, 3: 130).

Maka apabila tidak demikian dan peratusan bunganya (*interest*) kecil, tiada alasan untuk mengharamkannya.

Bagi menjawab kekeliruan ini, terdapat beberapa konteks yang perlu difahami. Pertama, ayat ini menerangkan kenyataan mualamat pada masa Jahiliah yang dilakukan melalui riba yang berlipat ganda, sebagaimana jelas daripada penurunan ayat. Kedua, sesungguhnya kaum muslimin secara *ijma'* berpegang pada pengharaman riba, baik sedikit maupun banyak (al-Sabuni, t.th). Maka pendapat yang membolehkan (faedah sedikit) telah terkeluar daripada *ijma'*, sebagaimana ia juga menunjukkan kegagalan pihak berkenaan dalam memahami usul syariat secara umum.

Maka dalam konteks ini, riba yang sedikit akan membawa kepada yang lebih besar. Oleh itu, Islam mengharamkan sesuatu yang diharamkan berpandukan kaedah fiqh (*Sadd al-Zarai'*) . Dan riba itu seperti arak pada pengharamannya, maka adakah boleh dikatakan seorang Muslim yang berakal minum sedikit daripada arak itu halal?. Ketiga, boleh kita berkata kepada orang yang menggunakan ayat itu sebagai hujah ,adakah mereka tidak membaca ayat quran yang lain yang mengharamkan riba:

قال تعالى : (وَأَحْلَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا) وقال تعالى (اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا) وقال تعالى : (يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ) .

Hujah yang kedua pula berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW daripada Jabir bin Abdillah RA:

قال : لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم آكل الربا وموكله وشاهده وكتابه

(HR Muslim, No. Hadis: 1598).

Seterusnya kalam sahabat dan tabi'in mentafsirkan ayat tentang riba sebagai mana tafsiran Ibn Abbas RA:

يقال يوم القيامة لأكل الربا خذ سلاحك للحرب

Terjemahan: Akan dikatakan kepada pemakan riba di hari kiamat: “Ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah SWT.”

Malik bin Anas RA pula berkata:

إني تصفحت كتاب الله وسنة نبيه فلم أر شيئا أشد من الربا لأن الله آذن فيه بالحرب

Terjemahan: Telahku membuka lembaran-lembaran kitab Allah dan Sunnah Nabi SAW dan tidakku dapati (dosa) yang lebih buruk daripada riba, kerana Allah SAW dalam mengisytiharkan atau mengizinkan perang ke atasnya.

Demikianlah tafsiran dan pemahaman tentang pengharaman riba yang telah disepakati oleh para ulama’ muktabar. Asas pengharamannya adalah seumpama pengharaman arak. Kemudaratan yang kelihatan kecil sekiranya dibiarkan boleh membawa kepada kemudaratan yang lebih besar. Dalam Islam, tiada ruang kompromi diberikan kepada sumber pendapatan yang haram seumpama riba (Zaman, 2025; Islahi, 2024).

5. Rumusan Analisis Pemikiran Hermeneutik Muhammad Said al-Ashmawi

5.1 Asas Hermeneutik al-Ashmawi

Muhammad Said al-Ashmawi menggunakan pendekatan hermeneutik sebagai asas metodologinya untuk menafsirkan al-Quran dengan lebih kontekstual. Hermeneutik yang diamalkan oleh al-Ashmawi berbeza daripada tafsir tradisional kerana ia berfokus kepada memahami maksud teks al-Quran dalam konteks sosial dan budaya semasa. Berbeza dengan pendekatan klasik yang lebih berpegang pada makna literal dan dalil teks,

Al-Ashmawi menekankan pentingnya menafsirkan al-Quran berdasarkan realiti semasa, dengan mengambil kira perubahan sosial dan budaya. Asas hermeneutiknya berfokus pada pendekatan kontekstual, di mana teks ditafsirkan secara liberal dalam perspektif yang lebih luas agar relevan dengan isu-isu semasa. Menurut al-Ashmawi, pendekatan ini dapat memberikan kefahaman yang lebih praktikal terhadap al-Quran, terutama dalam isu-isu yang melibatkan undang-undang, hak-hak sosial, dan moral dalam masyarakat moden. Ini berbeza dengan metodologi tradisional yang lebih bersifat literal dan cenderung berpanduan kepada penafsiran ulama silam, tanpa mengambil kira konteks yang berubah.

5.2 Pemikiran Liberal dalam Tafsir

Al-Ashmawi mengintegrasikan unsur-unsur liberal dalam tafsirnya dengan menekankan konsep kebebasan berfikir, hak asasi manusia, dan kesaksamaan gender. Dalam isu hak asasi manusia, contohnya, beliau menafsirkan ayat-ayat al-Quran sebagai dokumen yang menegaskan kesamarataan dan hak-hak individu, sejajar dengan prinsip-prinsip keadilan universal. Beliau juga menekankan kebebasan berfikir, iaitu bahawa al-Quran tidak seharusnya ditafsirkan secara kaku tetapi perlu fleksibel agar sesuai dengan tuntutan zaman. Bagi kesaksamaan gender, al-Ashmawi berhujah bahawa al-Quran sebenarnya menyokong hak-hak wanita, dan bahawa tafsiran yang dianggap menindas wanita lebih berpunca daripada budaya patriarki, bukan dari ajaran al-Quran itu sendiri.

5.3 Analisis Kesan Tafsir Hermeneutik al-Ashmawi Terhadap Tafsir Tradisional

Pendekatan liberal dan hermeneutik al-Ashmawi dalam tafsir al-Quran memberi impak yang signifikan terhadap pendekatan tafsir tradisional. Dalam konteks ini, pemikirannya sering kali dilihat sebagai kontroversial kerana mencabar autoriti tafsir yang didasarkan pada pemahaman klasik. Hermeneutik al-Ashmawi dianggap mengaburkan garis antara interpretasi agama dan perspektif sekular, yang mungkin menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam tentang batas-batas tafsiran yang sah. Di samping itu, penerimaan masyarakat Muslim terhadap tafsir beliau bercampur-baur; ada yang melihatnya sebagai inovatif dan relevan, manakala sebahagian yang lain menilai pendekatannya sebagai berisiko kerana membuka ruang kepada tafsiran yang terlalu subjektif dan terlepas daripada maksud asal teks al-Quran.

Analisis ini menunjukkan bahawa pemikiran al-Ashmawi membawa dimensi baharu dalam penafsiran al-Quran tetapi menimbulkan pelbagai reaksi, terutamanya dalam penerimaan umat Islam terhadap konsep liberalisme dalam tafsir.

6. Kesimpulan

Metodologi hermeneutik ialah satu metode yang digunakan oleh pemikir Kristian untuk menilai kitab Bible dan mentafsirkannya semula mengikut kesesuaian zaman. Metodologi hermeneutik telah dibawa masuk ke dalam agama Islam oleh gerakan modenisme yang mengambil pemikiran barat dalam mentafsirkan ayat-ayat Quran mengikut keadaan zaman semasa.

Berdasarkan tema kajian ini, metodologi hermeneutik yang digunakan Muhammad Said Al-Ashmawi terbukti telah banyak menimbulkan kecelaruan dalam masyarakat melalui pendekatan liberalisasi perspektif tafsiran al-Quran. Dalam konteks lebih khusus, tafsiran hermeneutik al-Ashmawi berkaitan arak dan riba memaparkan pemikiran liberal beliau yang berbahaya sehingga boleh menjejaskan kefahaman umat Islam. Hasil analisis kritikal terhadap pemikiran al-Ashmawi mendapati kekeliruan kefahaman yang dikemukakannya berhubung pengharaman arak dan riba adalah jelas bertentangan dengan syariat Islam.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat merumuskan bahawa pendekatan tafsiran hermeneutik sering digunakan sebagai saluran penyebaran doktrin dan ideologi liberalism. Sehubungan itu, liberalisasi dalam tafsiran hermeneutik perlu ditangani secara aktif oleh semua pihak berautoriti. Oleh demikian, kajian-kajian berbentuk kritikan dan penafian terhadap agenda liberalisasi dalam tafsiran hermeneutik perlu digiatkan bagi meningkatkan kewaspadaan umat Islam terhadap bahaya metodologi berkenaan.

Rujukan

- Abd Rahman, Z. (2008). *Wang, Anda dan Islam*. Kelana Jaya: Truewealth Sdn. Bhd.
- Al-Ashmawi, M. S. (1983). *Usul Syariah*. Beirut: Dar Iqra'.
- Al-Ashmawi, M. S. (1996). *Al-Islam Al-Siasi*. Kaherah: Dar Arabi al-Thabaah
- Al-Ashmawi, M. S. (2004). *Nalar Kritis Syari'ah*. Terj. Yogyakarta: t.pt.
- Al-Bukhārī, M. I. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ed. Al-Bughā, M. D. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Sobuni, Muhammad Ali. (t.th). *Rawā'ie al-Bayān Tafsir Āyāt al-Aḥkām*. Bairut: Dār Fikr.
- Al-Sya'rawi. (t.th). *Tafsir al-Sya'rawi. Jilid 2*. Kaherah: Dar Akhbar al-Yaum.
- Al-Ṭabari., M. J. (t.th). *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi' al-Bayān*. Makkah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth.
- Fadzil, M. M., Zaman, R. K., Muhammad, A. M. I., & Yatiban, A. (2026). A Qur'anic Perspective on Addressing Doubts About the Doctrine of Heavenly Religion. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 190-205.
- Fath, A. F. (2022). Paradigma Realis Dalam Penafsiran Hassan Hanafi. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 7(01), 19–28.
- Fatih, M. K. (2023). Metodologi Hermeneutika Hassan Hanafi. *Al Furqan: Jurnal Ilmu Al Quran dan Tafsir*, 6(2), 264-279.
- Islahi, A. A. (2024). Islamic thought on interest and usury. In *The Palgrave Handbook of Philosophy and Money: Volume 1: Ancient and Medieval Thought* (pp. 533-543). Cham: Springer International Publishing.
- Islam, M. T., Noorhidayati, S., Novitasari, D., Ikamah, A. D., Nasution, A., Azmi, M. U., ... & Mushaffa, A. (2025). Historical Criticism of the Hermeneutical Approach in the Interpretation of the Qur'an. *Religia*, 28(2), 269-298.
- Karimah, F. I., Rusmana, D., & Rahtikawati, Y. (2022). Studi Komparasi Metodologi Penafsiran Amina Wadud Dan Zaitunah Subhan Dalam Masalah Perempuan. *HERMENEUTIK*, 16, 45–66.
- Muammar, K. (2009). *Atas nama kebenaran: Tanggapan kritis terhadap wacana Islam liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mujahidin, M. S. (2023). Hermeneutika nasr hamid abu zayd dalam metode perkembangan tafsir modern. *Jurnal Al-Mubarak: Jurnal Kajian Al-Qur'an dan Tafsir*, 8(1), 25-42.
- Muslim bin al-Hajjaj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Ed. Al-Bāqī, Muḥammad Fu'ād 'Abd. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Puji, I. Z. T., & Ibrahim, M. (2013). *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riyani, I. (2017). Muslim feminist hermeneutical method to the Qur'an (Analytical study to the method of Amina Wadud). *Ulumuna*, 21(2), 298-314.
- Saleh Manfoed. (1995). *Muhammad 'Ali al-Sobuni, Rawā'ic al-Bayān Tafsir Āyāt al-Aḥkām*. Terj.
- Shamir, S. (2021). Liberalism: From Monarchy to Postrevolution. In *Egypt From Monarchy To Republic* (pp. 195-212). Routledge.
- Tomkins, L., & Eatough, V. (2018). Hermeneutics: interpretation, understanding and sense-making. *SAGE handbook of qualitative business and management research methods*, 185-200.
- Triyani, T., Novendri, M., Safitri, S. S., & Juniati, V. (2025). Rational-Secular Elements in The Interpretation of The Verse of Khamar by Said Al-Asymawy: Ad-Dakhil Fi Al-Tafsir Study. *International Journal of Research*, 3(1), 01-20.
- Zaman, R. K. (2025). The Importance of Shariah-Compliant Sustenance in Maintaining Mental Well-Being: A Review. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*.
- Zaman, R. K., Azmi, A. S., Rosli, R. M., & Rashid, A. A. (2024). The Challenge of Implementing Smoking Prevention Measures in Malaysia: An Analysis from a Hadith Perspective. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(1), 151-166.
- Zaman, R. K., Fadzil, M. M., & Zarkasyi, H. F. (2024). The Influence of Abrahamic Faiths in the Religious Pluralism Agenda in Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 17-34.